

PETIKAN AKHBAR

Hartalega labur RM7 bilion dalam tempoh 20 tahun di SBEZ Kedah

PETIKAN AKHBAR | 10 MAC 2021



PUTRAJAYA, 10 Mac – Pengeluar sarung tangan nitril, Hartalega Holdings Bhd, akan melabur RM7 bilion untuk tempoh 20 tahun bagi membina Kompleks Pengilangan Sarung Tangan Bersepadu Generasi Akan Datang (NGC) di Zon Ekonomi Sempadan Khas Kota Perdana (SBEZ), Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Ketua Pegawai Eksekutif Hartalega Kuan Mun Leong berkata 16 fasiliti pembuatan akan dibina dalam dua fasa di atas tanah seluas 101.17 hektar di SBEZ, yang bakal mewujudkan 12,000 peluang pekerjaan.

"Setiap fasa akan melihat lapan fasiliti pembuatan dan sasaran Hartalega adalah fasa pertama siap pada 2024," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian jual beli antara Hartalega NSM Sdn Bhd dan Northern Gateway Free Zone Sdn Bhd, di sini hari ini.

Hartalega NSM adalah anak syarikat Hartalega Holdings, manakala Northern Gateway adalah entiti milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc).

Majlis itu disaksikan Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor.

English     

"Strategi pertumbuhan Hartalega tetap tertumpu pada Malaysia memandangkan ekosistem dan rantai bekalan yang komprehensif untuk sektor sarung tangan.

"Tambahan lagi, pelaburan langsung domestik ini akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara serta memacu pembangunan ekonomi di wilayah utara," katanya.

Beliau berkata fasiliti Hartalega di Kedah setelah siap dijangka menyumbang hampir lima peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kedah.

"Pelan pengembangan jangka panjang di Kedah akan menambah 80 bilion keping sarung tangan setiap tahun menjadikan kapasiti pembuatan Hartalega meningkat kepada 143 bilion keping setiap tahun," katanya.

Ditanya mengenai purata harga jualan (ASP) berikutan permintaan meningkat, Huan berkata ia masih berdasarkan dinamik pasaran.

"Harga akan kekal tinggi berikutan permintaan masih kukuh. Ini positif bagi industri," katanya ketika ditanya mengenai langkah Top Glove Corporation Bhd menaikkan ASP sebanyak tiga hingga lima peratus.

Huan berkata Hartalega tidak melihat sebarang kebimbangan mengenai lebih bekalan pada tahun ini berikutan penggunaan sarung tangan yang meningkat disebabkan COVID-19.

Beliau berkata walaupun kes COVID-19 mencatatkan penurunan di Malaysia namun kebanyakan negara masih memerangi pandemik tersebut.

[Bernama](#)[Siaran Media](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGGU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK 1](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PENJANA](#)[PRIHATIN](#)[TEAM MOF](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[HARGA MINYAK](#)

English     